

Najib, Muhyiddin Kekal Jawatan Presiden Dan Timbalan Presiden Umno
Bernama
21 Sept, 2013

KUALA LUMPUR, 21 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Najib Tun Razak dan Tan Sri Muhyiddin Yassin masing-masing mengekalkan jawatan Presiden dan Timbalan Presiden Umno apabila diumumkan menang tanpa bertanding hari ini.

Pengerusi Jawatankuasa Pemilihan Umno Tan Sri Tajol Rosli mengumumkan tiada borang pencalonan lain diserahkan selain yang dikemukakan kedua-dua pemimpin itu apabila proses penyerahan borang pencalonan tamat 5 petang.

Najib memegang jawatan itu sejak 2009 setelah menang tanpa bertanding ketika itu, manakala Muhyiddin juga memenangi jawatan itu sejak 2009 setelah menewaskan bekas Menteri Besar Selangor Tan Sri Muhammad Muhd Taib.

Uniknya pada proses pendaftaran calon hari ini, kedua-dua pemimpin tertinggi parti itu merupakan pencadang bagi pencalonan sesama mereka.

Muhyiddin merupakan pencadang Najib bagi jawatan Presiden, manakala Najib pula menjadi pencadang Muhyiddin untuk jawatan Timbalan Presiden.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=979475>